



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN (UHMS1182)

TUGASAN KUMPULAN

Tajuk Tugas:

Krisis Peradaban Etnik Minoriti di Myanmar (Rohingya)

Nama Ahli Kumpulan 7:

- | | |
|--|-----------|
| 1. Nurul Huda Binti Nor Din | A20EC0126 |
| 2. Khayrin Nabila binti Jamal | A20EC0196 |
| 3. Muhammad Yusri bin Yusoff | A20EC0102 |
| 4. Nurin Farzanah Binti Mohd Hilmi | A20EC0122 |
| 5. Radin Nazhan bin Radin Jamzulkomar | A20EC0136 |
| 6. Muhammad Sulaiman Daud Syu'aib Bin Yaacob | A20EC0100 |

Fakulti : Fakulti Kejuruteraan (SOC)

Seksyen : 30

Semester-Sesi : 1-2020/2021

Nama Pensyarah : Dr. Husain Mahmood

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	2
2.0	SEJARAH BANGSA ROHINGYA DI MYANMAR	3
3.0	FAKTOR-FAKTOR PENINDASAN ETNIK ROHINGYA	4
3.1	Kewarganegaraan	4
3.2	Penafian Hak	5
3.3	Diskriminasi Agama	5
3.4	Tidak Mendapat Perhatian dari Negara Luar	5
4.0	KESAN-KESAN PENINDASAN TERHADAP ETNIK ROHINGYA	6
4.1	Dinafikan Hak Berpolitik	6
4.2	Hidup dalam Kemunduran	6
4.3	Keselamatan Terancam	7
4.4	Kadar Buta Huruf Meningkat	7
5.0	REAKSI MASYARAKAT ANTARABANGSA DAN NEGARA SERANTAU	7
5.1	Reaksi Negara Serantau (ASEAN)	9
5.2	Reaksi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)	10
6.0	ISU-ISU KONTEMPORARI ETNIK ROHINGYA DI MALAYSIA	10
6.1	Rentas Sempadan secara Haram	10
6.2	Pemerdagangan Manusia	11
6.3	Kerajaan Malaysia Memikul Tanggungjawab Sosial Pelarian Rohingya	12
6.4	Nasib Pelarian Rohingya ketika Ancaman Pandemik COVID-19	12
7.0	INISIATIF DAN CADANGAN YANG BOLEH DIIMPLEMENTASIKAN BAGI MENGATASI KEMELUT ETNIK ROHINGYA	12
7.1	Mewujudkan Penempatan secara Berkelompok	13
7.2	Melibatkan Agensi Kerajaan dan NGO Mendekati Pelarian	13
7.3	Menggesa Junta Myanmar untuk Menghentikan Penindasan	13
8.0	KESIMPULAN	14
	RUJUKAN	15

1.0 PENGENALAN

Etnik adalah sekelompok manusia yang mempunyai ciri dalam budaya dan agama yang hampir sama. Walau bagaimanapun, setiap etnik perlu mendapat pengiktirafan daripada pihak lain sebagai tanda bahawa etnik itu diterima, wujud dan mempunyai ciri-ciri budaya yang unik dan tersendiri. Perasaan tidak selesa dan terancam akan wujud apabila sekumpulan etnik tidak dikenali dalam komuniti besar seperti sesebuah negara. Negara terdiri daripada kepelbagaian etnik yang menjadi ciri istimewa negara. Tetapi terdapat pelbagai masalah yang boleh menyumbang kepada kemusnahan peradaban sesebuah etnik.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa isu pelanggaran hak asasi manusia dalam konflik etnik Rohingya timbul kerana negara tidak mengenali dan tidak menerima etnik itu. Faktor yang banyak mendorong kepada isu konflik ini dalam etnik Rohingya adalah agama. Agama merupakan petunjuk manusia dalam hidup saban hari dan boleh menjadi elemen yang boleh membawa kepada penentangan peradaban manusia. Agama menjadi perbandingan tahap kepercayaan berdasarkan tanggapan pihak-pihak yang berbeza. Ada pihak yang menganggap bahawa agama seseorang dianggap sebagai saudara dan ada juga menganggap agama berpotensi menjadi pesaing. Dalam konteks ini, agama di mata sesebuah pihak mengajar tentang kebaikan dan kedamaian. Manakala di sisi pihak yang lain menjadi aspek yang digunakan untuk mewujudkan konflik. Misalnya, konflik Israel-Palestin antara orang-orang beragama Islam dengan Yahudi, konflik yang berlaku dan konflik Islam-Buddha di Myanmar.

Konflik agama yang berlaku di Myanmar adalah antara orang Islam dan Buddha, yang mana lebih dikenali sebagai konflik etnik Rohingya dan Rakhine. Walaupun konflik ini berlaku dalam negara Myanmar sahaja, akan tetapi isu ini telah memberi kesan terutamanya kepada negara-negara jiran Myanmar seperti Malaysia, Indonesia dan Bangladesh. Etnik Rohingya mendapat layanan buruk seperti diskriminasi daripada pemerintah Myanmar. Hak Asasi Manusia (HAM) adalah hak seseorang untuk hidup dengan selesa, bebas menyuarakan pendapat, bebas menganut agama mereka tanpa membezakan etnik, bangsa, warna kulit, jantina, status kewarganegaraan, dan mendapat layanan adil dari pihak lain (Siba & Qomari'ah, 2018). Akan tetapi, peristiwa yang menggugat etnik Rohingya adalah suatu bentuk pelanggaran hak yang sangat dahsyat. Mereka tidak mendapat hak untuk hidup dalam keadaan selesa dan tidak memperoleh pengiktirafan yang sepatutnya sebagai seorang warganegara Myanmar. Ramai golongan Rohingya yang menjadi mangsa akhirnya mencari penyelesaian dengan berlindung dan bergantung di negara jiran. Akhirnya orang Rohingya mendapat status sebagai pelarian dan tiada status kewarganegaraan.

2.0 SEJARAH BANGSA ROHINGYA DI MYANMAR

Pada abad ke 8, masyarakat Rohingya merupakan penduduk asal Asia Selatan tinggal di sebuah kerajaan yang merdeka di Arakan, yang kini dikenali sebagai salah satu negeri di Myanmar iaitu negeri Rakhine. Terdapat dua agama utama di Arakan iaitu Islam dan Buddha dan dikatakan kedatangan Islam kepada masyarakat Rohingya adalah daripada kedatangan pedagang – pedagang Arab melalui jalan laut. Hal ini disebabkan posisinya terletak bersebelahan dengan laut yang memudahkan proses perdagangan dilakukan. Sebahagian pedagang yang singgah di Arakan mula menetap dan berkahwin dengan penduduk tempatan di Arakan (Kamis, 2020).

Namun pada tahun 1784, berlakunya pergolakan dalam pemerintahan Arakan yang diserang oleh tentera Burma dibawah pimpinan Raja Bodowpaya. Masyarakat dipaksa berkerja dan berkhidmat secara percuma untuk Burma dan disebabkan kedegilan Rohingya untuk mematuhi perintah Burma menyebabkan ribuan penduduk Rohingya dihalau keluar dan berpindah ke Bengal yang pada ketika itu berada di bawah jajahan british yang berpusat di New Delhi, India (Zaleha, Zuraini, Rogayah Estar, & Noorazeen, 2018). Pada tahun 1790, diplomat Inggeris Hiram Cox telah dihantar sebagai wakil british untuk membantu pelarian Rohingya. Beliau telah menubuhkan Cox's Bazaar di Bangladesh untuk penempatan pelarian Rohingya. Masyarakat Rohingya mula menetap dan berkeluarga dengan penduduk tempatan di Cox's Bazaar, Bangladesh. Pada tahun 1824, Britain telah berjaya menjatuhkan pemerintahan Burma dan menakluki setiap wilayah jajahan Burma termasuk Arakan dan menjadikannya sebuah wilayah British India. Britain telah membawa masuk kembali penduduk Rohingya ke negeri Arakan serta beberapa perkerja dari India untuk dijadikan sebagai tenaga kerja bagi tujuan pembangunan infrastruktur. Namun pada tahun 1942, Jepun yang pada masa itu merupakan kuasa besar dunia sedang giat untuk memperluaskan kawasan jajahan di setiap bahagian Asia, telah menyerang dan menakluki Burma daripada British. Ketika Britain mengundur, nasionalis Burma telah menyerang penduduk Rohingya kerana berasa tidak puas hati serta percaya mereka telah lama mendapat manfaat hasil daripada pemerintahan kolonial British (Rasidi, 2017).

Pada tahun 1945, teretusnya perang dunia yang ke-2 yang menyebabkan kuasa besar dunia iaitu Jepun menjadi lemah lalu membuka ruang kepada British dan nasionalis Burma untuk bekerjasama menentang dan merampas wilayah Burma kembali. British telah berjanji untuk memberikan kuasa autonomi kepada Rohingya dan Burma selepas berjaya menghalau Jepun. Namun hasilnya British hanya memerdekakan Burma dan meletakkan Arakan di bawah

wilayah Burma dan ini membuatkan penduduk Rohingya berasa tidak berpuas hati kerana british tidak memenuhi janji. Keselesaian dan keamanan dan kemudahan yang diberikan untuk etnik Rohingya di Burma tidak bertahan lama selepas jatuhnya Perdana Menteri pertama Myanmar iaitu U Nu dan digantikan dengan rampasan kuasa tentera yang diketuai oleh Jeneral Ne win.

Di bawah tampuk pemerintahan junta tentera yang diketuai oleh Jeneral Ne Win, beberapa perkara telah diperkenalkan seperti operasi nagamin atau raja naga. Operasi nagamin merupakan serangan mengejut ke atas perkampungan etnik Rohingya. Kemudian operasi common enemy yang menyasarkan golongan minoriti etnik Rohingya yang dianggap sebagai pendatang dari Benggali, yang dibawa masuk oleh British. Kesannya orang Rohingya hidup dalam keadaan merana, dirogol, dan tidak mendapat kerakyatan. Lebih menyedihkan orang rohinya yang tak sanggup hidup di Arakan tidak lagi dibenarkan untuk berpindah kembali ke Bangladesh seperti sebelum ni. Hal ini berikutan kerana Bangladesh mengatakan mengikut undang undang imigresen baru menetapkan bahawa semua orang yang berhijrah keluar dari bangladesh semasa pemerintahan British dianggap sebagai pendatang tanpa izin.

3.0 FAKTOR-FAKTOR PENINDASAN ETNIK ROHINGYA

Penindasan terhadap etnik Rohingya bukanlah atas faktor perbezaan warna kulit atau kebudayaan. Mereka terus menurus ditindas oleh Junta Myanmar atas sebab kewarganegaraan, hilangnya hak, diskriminasi agama dan tiadanya perhatian dari negara luar terhadap etnik ini.

3.1 Kewarganegaraan

Myanmar tidak mengiktiraf etnik Rohingya sebagai warganegara kerana tidak menepati ciri-ciri kewarganegaraan Myanmar yang terdapat di dalam perlembagaan. Menurut perlembagaan Myanmar, syarat sah untuk diiktiraf warganegara adalah keturunan Bengali dan anak mereka yang masuk dan tinggal di Myanmar sebelum kemerdekaan diberikan oleh Britain pada tahun 1948 sahaja. Tetapi etnik Rohingya adalah pembentukan baharu yang berketurunan Chittagonian Bengalis yang datang selepas pemerintahan kolonial British. Oleh itu, etnik tersebut tidak diiktiraf kewarganegaraannya kerana tidak menepati syarat sah tersebut. Selain itu, bangsa Rohingya juga tidak diiktiraf Myanmar kerana mereka tidak mempunyai kad pengenalan diri. Mereka juga dianggap sebagai pendatang asing dan dituduh mengancam keselamatan negara Myanmar.

3.2 Penafian Hak

Rakyat Myanmar sendiri tidak megiktiraf kedudukan dan tidak megakui bahawa bangsa Rohingya ini merupakan penduduk negara mereka. Ahli-ahli sejarawan negara tersebut bertindak menyatakan bahawa etnik ini belum pernah wujud dalam sejarah Myanmar. Mereka juga telah memadamkan sejarah sebenar mengenai kedatangan bangsa Rohingya pada abad ke-19 di Myanmar dan menyatakan bahawa etnik ini hanya wujud selepas tahun 1950. Hal ini telah menyebabkan rakyat Myanmar yang lahir selepas merdeka berasa tidak puas hati terhadap bangsa ini kerana mereka tidak memandang etnik Rohingya sebagai warganegara yang sah yang mungkin membawa ancaman kepada negara. Oleh itu, pemerintah menolak kewarganegaraan etnik tersebut. Pihak berkuasa seperti State Law and Order Restoration Council (SLORC) bertindak mengabaikan orang-orang Rohingya.

3.3 Diskriminasi Agama

Etnik Rohingya telah mendapat diskriminasi daripada rakyat Myanmar yang menganuti agama Buddha kerana mereka beragama Islam. Di Myanmar, diskriminasi agama Islam daripada penganut agama Buddha amat kuat. Terdapat larangan untuk menunaikan solat berjemaah di tempat umum termasuk sambutan perayaan hari-hari kebesaran dalam Islam seperti hari Raya Aidilfitri, Maulidur Rasul dan bulan Ramadhan. Tempat beribadah seperti masjid tidak diambil perhatian dan tidak diperbaiki. Di Myanmar, taraf tempat ibadat umat Islam amat rendah dan sesetengah masjid digantikan dengan pagoda Buddha. Keutamaan bagi etnik Rohingya ialah kebebasan beragama iaitu mereka boleh melakukan ibadat tanpa sebarang sekatan dan menyambut hari kebesaran dalam Islam. Golongan sami Buddha melakukan penganiayaan terhadap mereka dengan membakar rumah penduduk jika terdapat sesetengah masyarakat tersebut yang mengingkari larangan yang telah ditetapkan. Umat Islam di sana dipaksa untuk keluar dari agama Islam dan menganut agama Buddha. Aktiviti keagamaan, perkahwinan dan pergerakan telah dihadkan. Hak asasi golongan wanita muslim tidak dijaga dan dianggap sebagai hamba. Mereka ditindas, dirogol dan tidak dibenarkan memakai hijab.

3.4 Tidak Mendapat Perhatian dari Negara Luar

Sikap tidak mempedulikan atau mengendahkan perkara yang berlaku pada masa terkini akan memberi peluang untuk sesetengah pihak mengambil kesempatan ke atas peluang ini. Oleh itu, etnik Rohingya dapat ditindas kerana kurang perhatian yang diberikan masyarakat dunia terhadap perkara ini. Bangladesh, negara jiran Myanmar menolak semula kemasukan etnik Rohingya daripada memasuki negara mereka. Sebahagian penduduk etnik Rohingya adalah merupakan bekas warganegara Bangladesh pada suatu ketika dahulu sebelum mereka

berpindah ke Myanmar disebabkan bilangan penduduk Bangladesh yang terlalu padat. Tindakan yang telah dilakukan oleh Bangladesh ini amat tidak wajar dan dianggap bangsa yang mudah lupa. Selain itu, mereka juga melakukan pemulauan yang sangat kejam dengan tidak mengakui bahawa etnik Rohingya ini merupakan bangsa serumpun mereka. Di samping itu, Bangladesh dengan tidak berperikemanusiaan telah menghantar semula pelarian Rohingya yang ada ke Myanmar. Disebabkan pemulangan ini, etnik tersebut akan ditindas lagi sekali oleh pihak-pihak yang tertentu. Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak menyokong dan menentang tindakan yang kejam yang dilakukan oleh Bangladesh.

4.0 KESAN-KESAN PENINDASAN TERHADAP ETNIK ROHINGYA

Penindasan demi penindasan yang bermula dari selepas Perang Dunia Kedua memberi impak yang sangat mendalam terhadap bangsa Rohingya sehinggalah ke hari ini. Kesan-kesan ini membuatkan kehidupan mereka bagai hidup segan mati tidak mahu.

4.1 Dinafikan Hak Berpolitik

Sejak meletusnya Perang Dunia Kedua, banyak negara berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan untuk negara mereka termasuk Myanmar. Namun, perjuangan mereka telah menepikan nasib dan hak bangsa minoriti, umat Islam Rohingya untuk berpolitik dengan mengecualikan penglibatan mereka dalam persidangan dan pilihanraya yang merupakan suatu usaha bagi menentukan hala tuju masa depan Myanmar. Hal ini termasuklah persidangan di Pang Long yang diketuai oleh Jeneral Aung San untuk mencari kata sepakat bagi kemakmuran Myanmar dan kaum minoritinya namun, persidangan itu telah berlangsung tanpa sebarang jemputan kepada perwakilan Islam. Penafian hak berpolitik ini berterusan apabila pendaftaran kebangsaan dibuat tetapi malangnya orang Islam Rohingya di wilayah Arakan tidak dilibatkan malahan mereka dikecualikan. Sekali lagi, apabila pendaftaran pemilih menjelang pilihan raya pertama Myanmar diadakan, bangsa Rohingya telah disisihkan.

4.2 Hidup dalam Kemunduran

Dari aspek ekonomi pula, penindasan pihak Junta Burma telah menyebabkan kehidupan masyarakat Muslim Myanmar menjadi miskin dan mundur. Hal ini dapat dikesan melalui pelbagai cukai dan bayaran yang tidak sepatutnya serta membebankan telah dikenakan oleh pihak pemerintah ke atas golongan ini. Pemerintah Myanmar telah mengenakan bayaran cukai yang tinggi serta perlu mendapatkan kelulusan di mana prosesnya terlalu sukar kepada pasangan yang ingin berkahwin (Zaleha, Zuraini, Rogayah Estar, & Noorazeen, 2018). Selanjutnya, harga makanan juga terlalu tinggi dan peluang untuk mendapatkan pekerjaan juga

disekat. Hal ini jelas menunjukkan betapa mundurnya kehidupan mereka sehinggakan Undang-undang Myanmar melarang bangsa Rohingya memiliki harta benda dan menjalankan sebarang aktiviti perniagaan bagi menambahkan pendapatan. Keadaan yang berterusan ini menyebabkan etnik Rohingya terus dihipit nasib malang.

4.3 Keselamatan Terancam

Penindasan terhadap etnik Rohingya semakin membimbangkan apabila hak-hak asasi kemanusiaan dicabuli oleh tentera Myanmar. Menurut laporan daripada MyMetro pada 2017, sekurang-kurangnya 6700 etnik Islam Rohingya terbunuh dalam tempoh sebulan pertama operasi tentera Myanmar di Rakhine pada Ogos 2017. PBB dan Amerika Syarikat menyifatkan operasi ketenteraan itu sebagai pembersihan etnik minority Islam dan menerusi enam banciaan selama sebulan membabitkan 2434 etnik itu yang berlindung di kem pelarian, kecederaan akibat terkena tembakan punca kematian tertinggi iaitu 69 peratus, manakala 9 peratus lagi mangsa dibakar hidup-hidup dan 5 peratus dipukul hingga mati. Hampir 750,000 penduduk Rohingya melarikan diri ke negara jiran, Bangladesh dengan membawa pelbagai kisah ngeri membabitkan kes rogol, pembunuhan dan kes bakar. Hal ini bagaikan mimpi ngeri buat mereka sekiranya terus menetap di Rakhine, Myanmar.

4.4 Kadar Buta Huruf Meningkat

Hidup etnik Rohingya menjadi semakin tertekan apabila hak pendidikan mereka tidak diiktiraf berdasarkan “Citizenship Law 1982”. Manakala bagi mereka yang berkemampuan untuk bersekolah, pelbagai alasan dan cara dilakukan oleh pihak pentadbir untuk menghalang golongan ini daripada mendapatkan pendidikan. Disebabkan tindakan kerajaan yang menghalang masyarakat ini terutamanya golongan kanak-kanak daripada mendapat pendidikan, maka kadar buta huruf dalam kalangan etnik Myanmar amatlah tinggi (Billy, Nor Fadilah, & Prischilla, 2018). Maka dengan mudahnya mereka dapat menjalankan kerahan tenaga ke atas masyarakat Rohingya seperti memaksa mereka terutamanya golongan kanak-kanak untuk menjadi buruh di kawasan tapak pembinaan.

5.0 REAKSI MASYARAKAT ANTARABANGSA DAN NEGARA SERANTAU

Peralihan dan kestabilan demokrasi di Myanmar telah terjejas akibat ketegangan asas yang berpusat daripada isu diskriminasi terhadap etnik minoriti Muslim Rohingya dan juga agama Islam di negara tersebut. Kerajaan dan masyarakat antarabangsa perlu berkerja keras mengekalkan keamanan dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menghalang keganasan ini daripada terus merebak.

Pelarian Rohingya yang telah memasuki Bangladesh telah dianggarkan sebanyak 150,000 hingga 200,000 orang pada tahun 1978. Bangladesh membuka sempadan dan menghulurkan bantuan kepada golongan etnik Rohingya pada mulanya. Walau bagaimanapun, pemerintah Bangladesh khawatir kerana jumlah pelarian Rohingya semakin meningkat, lalu, Bangladesh telah mengisukan perkara ini dan meminta pertolongan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Lanjut daripada itu, PBB telah melancarkan kontingen pertolongan yang disertai oleh badan-badan PBB sendiri. UNHCR, iaitu salah satu badan PBB telah melakukan penghantaran semula perlarian Rohingya ke Myanmar (Zaleha, Zuraini, Rogayah Estar, & Noorazeen, 2018).

Seterusnya, setelah insiden keganasan pada Jun 2012, penyelesaian yang diambil oleh kerajaan Myanmar dalam membendung rusuhan etnik telah dipuji oleh Kementerian Hubungan Luar Bangladesh. Tambahan pula, pada 12 Jun 2012, China juga menyokong usaha kerajaan Myanmar dalam mengembalikan kestabilan tempatan dan keharmonian etnik melalui jurucakap kementerian luar, Liu Weinmin. Wakil Tinggi Kesatuan Eropah turut mempercayai bahawa kes keganasan antara etnik yang kompleks ini akan dikendalikan oleh pasukan keselamatan Myanmar dengan cara yang sesuai (Khalijah & Nasran, 2016).

Sebaliknya, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) turut memberi reaksi dengan mengutuk tindakan keganasan kerajaan Myanmar kepada etnik Rohingya yang telah lama sengsara. OIC mendesak negara-negara anggota OIC untuk menyuarakan permintaan kepada kerajaan Myanmar agar menghentikan keganasan yang berlaku dengan segera (Khalijah & Nasran, 2016).

Walaupun masyarakat antarabangsa dunia Islam memberi respons agak lewat, Negara-negara umat Islam termasuk Pakistan, Arab Saudi dan sebahagian Negara jiran turut memberikan bantuan dengan mempersiapkan tempat-tempat penginapan selepas menyedari keadaan minoriti Muslim yang terancam (Zaleha, Zuraini, Rogayah Estar, & Noorazeen, 2018).

Jeremy Browne iaitu Menteri Luar United Kingdom turut menyuarakan keprihatinannya atas keganasan yang berterusan di negeri Arakan. Selain itu, Hillary Clinton telah mendesak rakyat Myanmar untuk menghormati hak-hak semua etnik dan bekerjasama ke arah negara yang aman, makmur serta demokratik (Khalijah & Nasran, 2016).

Menurut Malaysia Kini pada tahun 2020, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan kekesalannya terhadap Aung San Suu Kyi yang merupakan pemimpin tertinggi Myanmar dan juga pemenang Nobel Perdamaian kerana beliau hanya diam dan tidak proaktif dalam

menghentikan keganasan yang berlaku kepada etnik Rohingya. Menurut Khairunnisa (2015), Malaysia dan Indonesia memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Rohingya dengan memberikan perlindungan sementara kepada mereka. Namun begitu, kerajaan Malaysia telah menegaskan keputusan untuk menyekat kemasukan pelarian Rohingya untuk menghindar wabak Covid-19 dan juga kerana terlalu ramai pelarian Rohingya yang memasuki Malaysia secara haram (Berita Harian, 2020).

Majoriti kuasa besar dunia menyokong langkah yang diambil oleh kerajaan Myanmar atas alasan isu keganasan di Arakan adalah masalah dalam Myanmar. Namun begitu, krisis ini terang-terangan melanggar hak asasi manusia. Reaksi seperti ini seolah-olah membiarkan tindakan keganasan terhadap etnik Rohingya agar terus berlaku.

5.1 Reaksi Negara Serantau (ASEAN)

Pada tahun 2008, Myanmar telah menyertai ASEAN. Negara-negara anggota ASEAN dikehendaki menghormati undang-undang yang telah ditetapkan untuk menjaga keamanan dan keselamatan ASEAN.

Pada tahun 2009, Intergovernmental Commission on Human Right (AICHR) telah ditubuhkan untuk mengatasi krisis pencabulan hak asasi manusia dan memberi tumpuan kepada penegakan hak asasi manusia. Namun begitu, AICHR terlihat lebih memberatkan kemajuan ekonomi berbanding perlindungan hak asasi manusia. ASEAN berpegang kepada prinsip tidak campur tangan terhadap urusan dalaman sesebuah negara anggota. Ini menyukarkan ASEAN untuk menangani krisis etnik Rohingya.

Namun demikian, kementerian luar ASEAN tetap memberi beberapa kenyataan terhadap krisis ini. Pertamanya, ASEAN mendesak kerajaan Myanmar untuk bekerjasama dengan PBB agar krisis kemanusiaan di Arakan dapat diatasi. Keduanya, ASEAN berjanji akan menghulurkan bantuan kemanusiaan di daerah konflik dengan serius. ASEAN juga menegaskan bahawa tanggungjawab penting proses demokrasi di Negara Myanmar adalah untuk mewujudkan keharmonian. Sehubungan dengan itu, Setiausaha Agung ASEAN, Dr Surin Pitsuwan beranggapan kestabilan serantau akan terguagat jika masyarakat antarabangsa, termasuk ASEAN tidak mengambil langkah yang efektif dan tepat untuk mengatasi isu ini. Walaupun begitu, beliau menerangkan ASEAN tidak boleh mendesak pemerintah Myanmar untuk memberi warganegara kepada etnik Rohingya.

5.2 Reaksi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

PBB adalah sebuah badan pengaman di peringkat antarabangsa yang bertanggungjawab mengekalkan dan menjaga keamanan global (Khalijah & Nasran, 2016). Bagi mengatasi masalah keganasan etnik Rohingya di Myanmar, PBB telah menghantar Wakil Khas Hak Asasi Manusia, Tomas Ojea Quintana untuk mengawasi keadaan di wilayah konflik. Menurut laporan Tomas, beliau menggesa setiap masyarakat agar membendung keganasan, menghormati undang-undang dan memainkan peranan. Menurut beliau lagi, pihak kerajaan Myanmar juga perlu berusaha untuk meredakan keganasan dan mengembalikan keamanan serta menghalang tindakan keganasan daripada terus berleluasa.

UN *High Commisioner for Refugees* juga menolak kenyataan untuk tidak menerima etnik Rohingya sebagai warganegara Myanmar yang sah daripada pemerintah Myanmar, Thein Sein pada Julai 2012.

6.0 ISU-ISU KONTEMPORARI ETNIK ROHINGYA DI MALAYSIA


Menurut Isabelle (2019), pada Mei 2015, negara Malaysia telah dikejutkan dengan berita kehadiran pelarian etnik Rohingya dari Myanmar secara beramai-ramai di Langkawi. Hasil kajian daripada Intan, Sity, dan Nor (2016) mendapati kemasukan PATI atau pelarian telah menimbulkan masalah kepada negara Malaysia iaitu melalui isu rentas sempadan secara haram, pemerdagangan manusia dan kerajaan terpaksa memikul tanggungjawab sosial menerima pelarian Rohingya yang mana negara Myanmar tidak memperdulikan isu ini.

6.1 Rentas Sempadan secara Haram

PDRM & UNCHR Malaysia (2019) menjelaskan Thailand sememangnya menjadi tempat transit atau titik pendaratan sengaja etnik Rohingya yang hendak memasuki Malaysia. kebanyakan mereka akan tiba dengan bot-bot kecil di negara-negara Asia Tenggara iaitu mengikut destinasi pilihan masing-masing samaada dari Myanmar atau Bangladesh. Menurut Intan, Sity, & Nor (2016), pelarian atau PATI yang ingin memasuki Malaysia sememangnya menggunakan agen orang Thailand dan Malaysia. Cas kemasukan yang dikenakan oleh agen Thailand dikenakan sebanyak RM 500 setiap seorang dari Thailand ke Rantau Panjang. Manakala dari Rantau Panjang ke Kuala Lumpur bayaran dikenakan sebanyak RM 1500 untuk satu perjalanan sehala yang diuruskan oleh agen Malaysia. Disebabkan kos bayaran agen yang tinggi bagi kemasukan secara haram ini maka tidak hairanlah kebanyakan pelarian Rohingya akan transit bekerja di Thailand dahulu untuk mengumpul wang sebelum memasuki Malaysia.

6.2 Pemerdagangan Manusia

Malaysia dianggap sebuah negara yang selamat dan negara Islam yang mudah untuk dimasuki kerana kurangnya sekatan di sempadan dan mudah mendapatkan akses kepada pekerjaan walaupun secara haram. Mereka juga boleh mendaftar dengan UNHCR di Malaysia sebagai pelarian. Bangladesh pula, dikenali sebagai lokasi tempat pengumpulan dan pelabuhan bot-bot pembawa pelarian Rohingya dan penyeludupan migran Bangladesh. Namun amat dikesali apabila hilangnya etika dalam membantu golongan yang tertindas, penghijrahan pelarian ini sering dieksploitasi dan dikhianati sehingga mereka menjadi mangsa pemerdagangan manusia yang membawa kepada penderitaan. Menurut Asia Pacific Refugee Rights Network (APRRN), terdapat ramai penyeludup manusia yang aktif dalam aktiviti pemudah cara seperti menguruskan lokasi pengumpulan, penyediaan bot-bot, pengutip bayaran perjalanan, pengatur strategi dan pemandu bot-bot perjalanan ke Thailand, Indonesia dan Malaysia. Rajah 6.2 menunjukkan pergerakan sindiket pemerdagangan Rohingya (Isabelle, 2019).



Rajah 6.2 Laluan sindiket pemerdagangan etnik Rohingya ke Malaysia

Sumber: Diubahsuai daripada PDRM (2019)

6.3 Kerajaan Malaysia Memikul Tanggungjawab Sosial Pelarian Rohingya

Pelarian Rohingya ini lazimnya tinggal secara beramai dengan beberapa buah keluarga dalam sebuah rumah. Di Malaysia juga mereka masih boleh mencari rezeki walaupun pelarian tidak dibenarkan bekerja secara formal. Namun masih boleh melakukan kerja-kerja harian seperti mengutip besi, tin, kotak, mengambil upah membersihkan kawasan rumah, potong rumput, angkat barang, cuci pasar, membantu jualan ikan dan sayur di pasar serta melakukan perkhidmatan roda tiga iaitu mengambil upah mengangkut barang-barang buangan ke tempat pelupusan sampah (Intan, Sity, & Nor, 2016). Billy, Nor Fadilah dan Prischilla (2018) menyatakan bahawa negara yang paling menjadi pilihan etnik ini adalah Malaysia berbanding negara jiran yang lain kerana masyarakat Rohingya menganggap bahawa negara Malaysia merupakan lokasi yang selamat bagi mereka untuk mencari perlindungan, sumber makanan dan keselamatan untuk meneruskan kehidupan. Kesan daripada pengabaian etika dalam kepimpinan oleh junta Myanmar, kerajaan Malaysia mendapat tempias atas kebajikan pelarian Rohingya di sini.

6.4 Nasib Pelarian Rohingya ketika Ancaman Pandemik COVID-19

Ketika negara sedang berusaha mengekang wabak COVID-19, media tempatan melaporkan pada 4 April 2020 terdapat lebih 200 pelarian Rohingya mendarat dengan menaiki bot di kawasan peranginan berdekatan Pantai Teluk Nibong di Langkawi. Mereka kemudian ditahan oleh pihak berkuasa dan dikuarantinkan bagi menjalani pemeriksaan kesihatan. Namun begitu, Khairi (2020) menyatakan pada 16 April lalu usaha bersepadu antara TUDM, TLDM dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah berjaya menghalang kemasukan bot dipenuhi oleh pelarian Rohingya yang berhajat memasuki perairan negara. Atas prinsip kemanusiaan, pihak berkuasa telah memberikan bantuan makanan sebelum mengiringi bot tersebut keluar menuju perairan antarabangsa. Tindakan pihak berkuasa mendapat reaksi yang pelbagai daripada rakyat tempatan dan pelarian Rohingya yang berada di Malaysia. Terdapat rakyat Malaysia yang menyokong usaha kerajaan bagi menghalang kemasukan pelarian Rohingya ke negara ini. Pengabaian tanggungjawab kepimpinan Myanmar telah menjadikan hidup etnik Rohingya terumbang-ambing terutamanya ketika saat-saat genting ini.

7.0 INISIATIF DAN CADANGAN YANG BOLEH DIIMPLEMENTASIKAN BAGI MENGATASI KEMELUT ETNIK ROHINGYA

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa etnik minoriti Muslim Rohingya di Myanmar berada dalam keadaan yang tidak harmoni dimana mereka ditindas, didiskriminasi dan dianiaya. Gelombang keganasan dan kehancuran yang dialami oleh etnik Rohingya

digambarkan sebagai penghapusan etnik, bahkan genosida. Natiyahnya, banyak penduduk kehilangan tempat tinggal disebabkan kemusnahan penempatan dan juga ratusan bahkan ribuan nyawa yang terkorban akibat daripada keganasan tersebut.

7.1 Mewujudkan Penempatan secara Berkelompok

Dorongan untuk mencapai penempatan kumpulan adalah langkah yang betul kerana akan memungkinkan pemerintah dan pihak berkuasa mengenai pemantauan yang lebih komprehensif dan berkesan, terutamanya dari segi menyelesaikan masalah sosial di kalangan pelarian. Menurut MelakaKini (2019), pada dasarnya terdapat beberapa penempatan di masyarakat Rohingya di Melaka. Mereka menyewanya dari masyarakat setempat. Beliau mengatakan bahawa kawasan penempatan yang disewa adalah Perkampungan Rohingya tidak diwartakan oleh pemerintah negeri, tetapi penempatan didirikan kumpulan khusus untuk komuniti yang berkaitan.

7.2 Melibatkan Agensi Kerajaan dan NGO Mendekati Pelarian

Selain daripada itu, untuk menjangkau pelarian Rohingya dan memberikan maklumat dan menghulurkan bantuan yang diperlukan kepada golongan tersebut, kerajaan negeri perlulah melibatkan agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, JAIM, polis, Pentadbiran Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan juga berkerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) seperti MRM untuk memberi taklimat dan nasihat mengenai undang-undang, kesihatan, pendidikan dan agama kepada masyarakat pelarian Rohingya di Melaka.

7.3 Menggesa Junta Myanmar untuk Menghentikan Penindasan

Selain itu, masyarakat dunia perlu menggesa junta Burma agar mengambil langkah segera menghentikan penindasan dan kekejaman ke atas orang-orang Rohingya sebelum lebih ramai nyawa terkorban. Penyiasatan secara terperinci hendaklah dilakukan secara menyeluruh bagi memastikan kedudukan sebenar orang-orang Rohingya. Peranan Association of Southeast Asian Nation (ASEAN) perlu bersuara dan meminta kerajaan Junta menghentikan penyiksaan ini. Kerajaan Junta pula mesti menyiasat kembali undang-undang yang telah digubal khususnya Citizenship of Law pada tahun 1982 untuk dimansuhkan agar masyarakat Rohingya dapat diiktiraf sebagai warganegara. Manakala Aung San Su Kyi yang pernah memenangi anugerah Hadiah Nobel yang melambangkan keamanan, kebebasan dan pejuang hak asasi manusia perlu memainkan peranan dengan lebih jujur dan komited untuk menghentikan kezaliman ini.

8.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada pandangan pengkaji, dapatlah disimpulkan bahawa etnik Rohingya merupakan etnik yang teraniaya kerana mereka tidak mendapat hak asasi manusia seperti pengiktirafan kewarganegaraan dan status identiti yang sah oleh kerajaan Myanmar. Mereka juga tidak mendapat layanan yang baik dan pembelaan daripada negara luar untuk memberi perlindungan kepada mereka secara berterusan untuk mendapat hak yang sewajarnya. Aspek agama juga menjadi punca kepada kesengsaraan hidup etnik Rohingya. Malah, mereka tidak memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi Myanmar juga menjadi faktor mereka ditolak dan ditindas oleh pihak Myanmar. Ini adalah salah satu agenda utama mengapa Myanmar tidak mahu etnik ini berada di bumi Myanmar.

Banyak peristiwa hitam dan masalah penindasan yang melanda etnik ini sehingga sekarang. Perkara ini memberi kesan buruk kepada aspek politik, sosial dan ekonomi mereka. Maka, penderitaan mereka yang berterusan menyebabkan mereka berhijrah ke tempat kawasan perlindungan lain di negara jiran. Namun, mereka turut diusir dari negara jiran dengan zalim. Masalah ini jika tidak diselesaikan sehingga ke akar umbi dengan segera pasti akan menghapuskan peradaban etnik ini. Hal ini juga mampu menggugat nama baik dan imej umat Islam seluruh dunia dan negara-negara ASEAN. Semua pihak patut memainkan peranan penting dengan menyediakan pelan tindakan untuk menolong etnik Rohingya secara menyeluruh bagi melindungi nyawa, mengenalpasti keberadaan dan keadaan semasa mereka, memperoleh statistik dan bilangan jumlah mereka yang terkandas di negara transit dan membantu pelarian Rohingya atas dasar kemanusiaan dan sebagai tanggungjawab bersama dan menjaga hubungan antara manusia.

RUJUKAN

1. AFP. (2018). *Penindasan Rohingya tak terbayang*. Harian Metro. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/global/2018/07/353935/penindasan-rohingya-tak-terbayang>
2. Ali, S. A. (2016). *Rohingya ditindas di negara sendiri*. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/225785/rohingya-ditindas-di-negara-sendiri-menangis-di-bumi-asing>
3. Amin, M. S. (2016). *Junta tentera amat kejam!* Harian Metro. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/12/188825/junta-tentera-amat-kejam>
4. Berita Harian. (2020). *Kerajaan tegas sekat kemasukan pelarian Rohingya*. Berita Harian Online. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/704718/kerajaan-tegas-sekat-kemasukan-pelarian-rohingya>
5. Billy, A., Nor Fadilah , B., & Prischilla, A. (2018). *Faktor dan kesan penindasan etnik Rohingya di Myanmar*. University Malaysia Sabah.
6. Intan , S., Sity , D., & Nor , A. (2016). Pelarian Rohingya dan isu-isu kontemporari di Malaysia. *Journal of Society and Space*, 12(9), 11-23.
7. Isabelle , L. (2019). *Pelarian Rohingya 'dijual seperti ikan' oleh sindiket pemerdagangan manusia*. Astro Awani. Retrieved from astroawani.com/berita-malaysia/pelarian-rohingya-dijual-seperti-ikan-oleh-sindiket-pemerdagangan-manusia-202353
8. Kamis. (13 Ogos, 2020). *Rohingya, Pewaris Negeri Arakan*. Retrieved from <https://republika.co.id/berita/qf09jg430/rohingya-pewaris-negeri-arakan-1>
9. Khairi, D. A. (2020). *Sentimen ke atas pelarian Rohingya semasa ancaman COVID-19 di Malaysia*. Astro Awani. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sentimen-ke-atas-pelarian-rohingya-semasa-ancaman-covid19-di-malaysia-240354>

10. Khairunnisa , K. (2015). *Malaysia, Indonesia sepakat beri perlindungan sementara kepada Rohingya*. Astro Awani. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-indonesia-sepakat-beri-perlindungan-sementara-kepada-rohingya-60319>
11. Khalijah, S. A., & Nasran, M. M. (2016). Reaksi Dunia dan Peranan PBB dalam Menangani Keganasan terhadap Etnik Muslim Rohingya. *Islamiyyat*, 38(2), 165 - 174.
12. Malaysia Kini. (2020). *K'jaan Malaysia tak berperikemanusiaan, kata Suaram*. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/522530>
13. MelakaKini. (2019). *Kerajaan Melaka ambil langkah tepat tangani masalah sosial pelarian Rohingya*. Retrieved from <https://melakakini.my/kerajaan-melaka-ambil-langkah-tepat-tangani-masalah-sosial-pelarian-rohingya/>
14. MyMetro. (2017). *Hampir 7000 Rohingya terbunuh dalam sebulan*. Harian Metro. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/global/2017/12/293736/hampir-7000-rohingya-terbunuh-dalam-sebulan>
15. Rasidi, S. R. (9 September, 2017). Rohingya penduduk asal Rakhine. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2017/09/323439/rohingya-penduduk-asal-rakhine>
16. Siba, M., & Qomari'ah, A. (2018). Pelanggaran hak asasi manusia dalam konflik Rohingya. *Jurnal Dunia dan Politik Islam*, 2(2), 368-384.
17. Zaleha, M. B., Zuraini, I. B., Rogayah Estar, M. B., & Noorazeen, R. B. (2018). Krisis etnik minoriti Muslim Myanmar (Rohingya): kesan politik dan ekonomi dan sosial.